

Pemilihan tuan rumah Mesyuarat SATU,

**pengiktirafan
antarabangsa
kepada UMS**

UB 22.11.2019 7

KOTA KINABALU: Pemilihan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai tuan rumah Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Universiti-universiti Asia Selatan, Asia Tenggara dan Taiwan (SATU) pada Selasa lepas merupakan satu pengiktirafan antarabangsa kepada universiti itu.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata bukan mudah untuk dipilih sebagai tuan rumah mesyuarat tersebut.

Justeru, katanya, pemilihan UMS ini memberi gambaran bahawa kedudukan UMS khasnya dan lokasi Sabah di Kepulauan Borneo ini sebagai ahli yang strategik dalam mengembangkan objektif jawatankuasa ini yang turut dianggotai oleh universiti dari Indonesia, India, Malaysia, Filipina, Thailand, Brunei, Vietnam, Singapura dan Taiwan.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Forum Presiden SATU yang juga merangkap Presiden National Cheng Kung University Taiwan, Prof Dr Hue-Jen Jenny Su kerana memberi kepercayaan kepada UMS sebagai tuan rumah mesyuarat tersebut.

“Penganjuran ini sangat bermakna apatah lagi pada tahun ini UMS turut meraikan sambutan ulang tahun yang ke-25,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam. — Bernama